

16 APR 2001

Mahathir-ISA/I

ISA DIKAJI SEMULA JIKA RAKYAT FAHAM DEMOKRASI

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Kerajaan tidak berhasrat mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tetapi akan berbuat demikian jika rakyat benar-benar faham erti demokrasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apabila rakyat sudah faham bahawa demokrasi bermakna kegunaan tidak digunakan untuk menjatuhkan kerajaan, saya berpendapat bahawa pada masa itu kita boleh memikirkan untuk mengkaji semula undang-undang ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata bahawa pada masa ini jelas terdapat satu kumpulan tertentu yang berpendapat jika mereka tidak dapat menang pilihan raya menerusi peti undi, maka mereka perlu mencuba cara lain untuk menggulingkan kerajaan.

"Itu bukannya demokrasi," katanya semasa ditanya sama ada kerajaan akan membebaskan tujuh orang yang ditahan mengikut ISA baru-baru ini kerana didakwa cuba menganjurkan demonstrasi ganas yang boleh mengancam keselamatan negara.

Mereka yang ditahan terdiri naib presiden Parti Keadilan Nasional, Tian Chua, 37, ketua pemudanya Ezam Mohamed Noor, 34, anggota dewan tertinggi parti itu Saari Sungip, 43, pengarah Kempen Bebaskan Anwar, Raja Petra Raja Kamaruddin, 49, aktivis Hishammuddin Rais, 50, dan dua pemimpin pemuda Parti Keadilan N. Gobalakrishnan, 41, dan Abdul Ghani Haroon, 36.

Mengenai saranan beberapa anggota masyarakat supaya ISA dikaji semula, Dr Mahathir berkata sebagai sebuah negara mengamalkan demokrasi, rakyat berhak mengeluarkan pendapat.

"Tetapi daripada apa yang kita tahu, mereka ini mewakili pendapat minoriti, dan kita tidak boleh terima pendapat minoriti sebagai mewakili rakyat negara ini," katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, sebahagian besar masyarakat merasa senang dengan penahanan itu kerana ia membantu mengelak kemusnahan dan huru-hara seperti yang berlaku di beberapa negara lain.

"Kita tahu beberapa daripada orang ini telah pergi ke negara lain untuk mendapat bantuan menganjurkan demonstrasi yang lebih ganas tetapi saya fikir polis telah bertindak cepat dengan menahan mereka," katanya.

--BERNAMA

AKT ZS MAI